

06/02/1998

275 atlit pikul cabaran negara

SERAMAI 275 atlit - 166 lelaki dan 109 wanita - bakal memikul cabaran negara dalam temasya Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI dari 11 hingga 21 September ini.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata jumlah atlit itu adalah mereka yang sedang mengikuti latihan fasa empat Projek Jaya '98.

"Latihan atlit ini sedang berlangsung dan ia akan dipergiat dan dipertingkatkan.

"Kita akan menumpukan kepada acara yang atlit kita mempunyai kelebihan serta berpeluang memenangi pingat," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Sukan Komanwel yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Sejumlah 16 acara akan dipertandingkan dalam temasya ke-16 itu dan Malaysia mempunyai kekuatan dalam sukan badminton dan bowling selain acara menembak berdasarkan prestasi semasa.

Muhyiddin juga berkata Pusat Kawalan Dadah Universiti Sains Malaysia (USM) kini dalam proses terakhir untuk mendapatkan akreditasi daripada Jawatankuasa Olimpik Antarabangaa (IOC).

"Beberapa wakil Suruhanjaya Perubatan IOC akan tiba di pusat itu di USM pertengahan bulan ini untuk membuat ujian kelengkapan peralatan makmal yang disediakan.

"Kami berharap akan menerima akreditasi daripada IOC, April ini, lebih awal daripada Sukan Komanwel," katanya.

Dalam mesyuarat itu, Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98), Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, memaklumkan mengenai laporan akhbar di United Kingdom bahawa temasya kali ini akan menjadi kurang meriah akibat kegawatan ekonomi serta langkah berjimat-cermat yang diambil.

"Saya ingin menegaskan bahawa walaupun kita mengurangkan kos serta berhemat, ia tidak akan menjejaskan kemeriahan temasya seperti yang didakwa akhbar itu. Saya juga berharap perkara ini tidak akan diperbesarkan," kata Muhyiddin.

(END)